

19 NOV 1996

TAJUDIN: MAS SEDANG DIBENTUK MENJADI SYARIKAT SEJAGAT

Oleh: Yong Soo Heong

PETALING JAYA, 19 Nov (Bernama) -- Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sedang melalui strategi dan pelbagai proses penyusunan semula untuk menukarkannya menjadi sebuah syarikat sejagat, kata pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli.

Beberapa langkah yang diambil itu akan meletakkan syarikat penerbangan kebangsaan itu di atas landasan lebih kukuh untuk bersaing dengan syarikat-syarikat penerbangan lain, tambahnya.

Sambil menyatakan bahawa MAS adalah satu daripada segelintir syarikat Malaysia yang boleh mengharap satu kedudukan sejagat, beliau berkata strategi dan proses tersebut perlu siap sedia pada 1 Januari, 1998 bila MAS pindah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru di Sepang.

"Tempoh 14 bulan akan datang amat penting bagi kami. Cabaran terbesar saya sekarang ialah program ini. Tetapi saya penuh yakin bahawa saya mempunyai banyak sokongan dalaman. Berkat sokongan dan tindak balas yang saya perolehi daripada naib-naib presiden kanan, para pengurus dan orang di peringkat bawah, InsyaAllah ...saya akan mencapainya," katanya dalam satu temubual dengan Bernama baru-baru ini.

Beliau berkata Penerbangan Malaysia sedang meneliti pelbagai proses kerjanya supaya ia dapat disesuaikan dengan keperluan dan keadaan yang bertepatan masa.

"Dan masa yang tepat ialah kita tidak boleh melepasi tahun 1998 kerana sehingga itu lapangan terbang yang baru akan siap. Itulah saat yang akan menjadi penentuan."

Beliau berkata bila Penerbangan Malaysia berpindah ke Sepang, keuntungannya "akan menunjukkan ukur laras kami yang sebenar."

Tajudin berkata bila dia memperkenalkan pelbagai perubahan kepada proses-proses kerja Penerbangan Malaysia kira-kira dua tahun lalu, dia menghadapi masalah kerana kakitangan tidak tahu apa yang dia cuba lakukan.

Oleh itu, beliau berkata dia hanya dapat mencadangkan perubahan-perubahan permukaan yang berkaitan meletakkan sesetengah kegiatan ke dalam syarikat-syarikat bagi membolehkan mereka memberi tumpuan kepada sesuatu produk.

Hasilnya, lima buah syarikat atau kumpulan teras ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada penumpang, pengendalian di bumi, penyajian, kargo dan kejuruteraan manakala bahagian-bahagian lain pertubuhan menjadi unit-unit sokongan kepada kumpulan-kumpulan teras.

Sekarang, tatacara berkaitan penumpang, pengendalian di bumi dan penyajian sedang dikaji secara menyeluruh untuk menghasilkan sistem pengendalian yang lebih cekap.

Umpamanya, Tajudin menjelaskan bahawa penekanan yang diberikan kepada pengendalian di bumi adalah bagi menghadapi perpindahan ke KLIA Sepang manakala penekanan kepada penyajian ialah kerana syarikat telah diminta mengendalikan penyajian makanan untuk Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998.

"Jika anda tidak mempunyai prasarana yang betul, pendekatan dan sikap mental, habislah anda," katanya.

Tajudin berkata memandangkan sekarang semua orang dalam syarikat itu telah faham apa yang dia maksudkan melalui perubahan-perubahan itu, mereka semua akan mendapat faedah daripadanya (perubahan).

Sambil memberi satu contoh, beliau berkata bila dia mengusulkan penubuhan sebuah akademi latihan sebagai keutamaan pertamanya selepas

mengambil alih jawatan pengerusi dan memutuskan untuk menghantar orang/kakitangan penting untuk melatih yang lain, mereka merasai bahawa mereka dihantar ke jalan mati atau dimasukkan ke dalam peti sejuk.

"Itu bukan niat saya sama sekali. Tetapi sekarang anda akan dapati bahawa banyak orang sedang bersaing untuk ke akademi itu (di Kelana Jaya) kerana ia adalah tempat di mana anda akan dapati sama ada akan bersinar atau tidak."

Dari aspek yang lebih besar, beliau berkata Penerbangan Malaysia bersama-sama Technology Resources Industries Bhd yang mana Tajudin adalah pengerusi eksekutif akan mengusahakan satu program Sekolah Graduan Pengurusan Malaysia bersama-sama dengan Universiti Pertanian Malaysia yang mengeluarkan graduan berasaskan kejuruteraan yang paling ramai di negara ini.

Tajudin berkata bahawa dia telah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu dan sebuah yayasan akan ditubuhkan untuk membiayai operasinya, katanya sambil menambah bahawa pertubuhan dan syarikat lain akan dipelawa untuk turut sama dalam usaha melahirkan graduan pengurusan yang bersesuaian dengan kehendak negara.

Tajudin menegaskan bahawa dengan mempunyai program latihan yang betul, tatacara pengendalian dan aliran kerja adalah faktor penting dalam mencapai kecemerlangan.

"Saya sering menyatakan bahawa anak kunci ke arah kecemerlangan ialah minda (fikiran) manusia. Tiada benda lain yang lebih kuat daripada minda manusia itu sendiri. Tetapi amat sedikit perhatian yang diberikan kepada aset tunggal paling berharga itu," katanya. "Sebab itulah saya selalu menegaskan bahawa anda mesti sanggup berdiri tinggi di mana sahaja dan anda tidak akan tenggelam."

Tajudin berpendapat bahawa rakyat Malaysia pada umumnya tidak bersedia secukupnya bila mereka dihantar ke luar negeri untuk bersaing dengan orang lain.

"Mereka akan hilang di tengah-tengah orang ramai." Tajudin mahu mengelakkan itu. Dan dengan itu program latihan secara giat sedang dilaksanakan di seluruh peringkat syarikat.

Pendekatan Tajudin dalam mengubah proses kerja mungkin telah merenyukkan sesetengah pihak dalam pertubuhan itu yang sudah selesai dengan tatacara lama yang memberi penekanan kepada aspek kekananan.

Tetapi pendekatan Tajudin ialah menggunakan sepenuhnya bakat yang ada, walaupun seorang eksekutif itu berusia 30 tahun, jika dia didapati boleh mengendalikan perkara dalam bidang yang jauh lebih penting daripada pegawai kanannya, dia akan ditugaskan berbuat demikian.

Tajudin berkata bahawa Penerbangan Malaysia memiliki banyak orang yang "amat baik (dari segi kerja) tetapi mereka disekat dan diketepikan di satu sudut."

"Sebaik saja anda ambil dan letakkan mereka di satu sudut, mereka akan patah semangat. Untuk merangsangkan mereka, anda mesti beri peluang untuk mereka membuktikan yang mereka adalah berharga. Tetapi di bawah struktur yang kami ada sekarang, ia amat sukar.

"Sebab itulah kami perlu melihat semula dan mengkaji struktur (pertubuhan). Setelah kami mengkaji aliran kerja dan mula membuat pengisian, orang yang baik akan mula memimpin. Sebaik saja kami selesai mengubah semua proses, saya pasti kami akan mempunyai orang yang dikehendaki, yang kini tersembunyi di satu sudut, untuk mula memberi sumbangan."

"Bagi saya, umur tidak penting, ia hanyalah satu urutan masa. Tetapi yang penting ialah keupayaan anda untuk menyempurnakan tugas. Jika seseorang itu berusia 30 tahun dan dia dapat menyempurnakan tugas dengan baik, kenapa tidak jadikan dia ketua? -- BERNAMA

SHY SIA